

**PM Arah Bangunan Kerajaan Tetapkan Suhu Pendingin Hawa 24 Darjah Celsius,  
Kata Chin  
Bernama  
Ogos 11, 2011**

PUTRAJAYA, 11 Ogos (Bernama) -- Semua bangunan kerajaan akan diarahkan untuk menetapkan suhu pendingin hawa dalam bangunan masing-masing tidak kurang daripada 24 darjah celsius sebagai langkah penjimatan tenaga, kata Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Datuk Seri Peter Chin Fah Kui.

Beliau berkata langkah kecekapan penggunaan tenaga itu akan berkuatkuasa selepas surat pekeliling mengenai perkara itu dikeluarkan oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

"Perdana Menteri mengarahkan sebagai satu langkah yang bijak kecekapan penggunaan tenaga, semua bangunan kerajaan diminta menetapkan suhu (pendingin hawa) bangunan tidak kurang daripada 24 darjah celsius.

"Kecuali bagi tempat-tempat khas seperti hospital yang memang memerlukan paras suhu yang rendah," katanya pada sidang akhbar bersama Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Douglas Uggah Embas di sini Khamis.

Terdahulu, kedua-dua mereka menghadiri mesyuarat Majlis Teknologi Hijau Negara dan Perubahan Cuaca, yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Bangunan Perdana Putra di sini.

Mengulas lanjut, Chin berkata suhu yang ditetapkan itu adalah sesuai untuk persekitaran tempat kerja dan ia juga boleh menjimatkan keseluruhan bil elektrik sesebuah bangunan kerajaan itu.

"Kami tetapkan 24 darjah celsius. Kalau kita turunkan kepada 23 darjah celsius, bermakna kita perlu meningkatkan perbelanjaan daripada 4 kepada 7 peratus," katanya.

Chin berkata tahap suhu tersebut telahpun dilaksanakan di kementeriannya dan ia menjimatkan sehingga RM700,000 setahun untuk keseluruhan bil elektrik.

Katanya pihaknya juga sedang merangka draf undang-undang untuk dibentangkan di Parlimen dalam tempoh terdekat bagi membolehkan kerajaan menguatkuasakan arahan tersebut pada bangunan milik swasta.

"Kita berharap menjelang 2013, semua bangunan swasta dapat mengikut peraturan yang ditetapkan pada bangunan kerajaan itu," katanya.

Beliau berkata pada mesyuarat itu juga, Perdana Menteri meminta semua jabatan kerajaan menukar penggunaan mentol lampu sedia ada kepada penggunaan jenis mentol lampu yang lebih cekap tenaga secara berperingkat.

Perdana Menteri juga mengarahkan supaya pelan hala tuju teknologi hijau secara terperinci disediakan bagi membantu perkembangan teknologi hijau di negara ini, katanya.

Mengenai komitmen kerajaan untuk mengurangkan pengeluaran karbon sebanyak 40 peratus menjelang 2020, Uggah berkata usaha itu berjalan lancar dan mampu mencapai sasaran yang ditetapkan.

"Setakat ini, kami telah mengurangkan tahap intensiti karbon sebanyak 29.7 juta tan metrik. Untuk memenuhi sasaran 40 peratus, kita perlu mengurangkannya sebanyak 40 juta tan metrik. Ini merupakan sumbangan kita kepada usaha global bagi perubahan

iklim dunia," katanya.

-- BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=607548>